Kewajipan Kita Menentang Keruntuhan

Dalam berbagai-bagai masyarakat manusia terdapat banyak contoh membesar-besarkan perkara yang buruk dan yang seerti dengannya. Alangkah banyaknya akibat buruk yang akan merendahkan bangsa kita andainya gejala-gejala ini tidak dibanteras.. Apakah gejala yang mengaibkan itu? Apakah kewajipan kita untuk menghadapinya, demi kemuliaan moral dan darjat kita di mata ramai? Hal inilah yang pernah dibentangkan oleh Faḍīlah al-Imām al-Akbar Mahmud Shaltut *Shaykh al-Azhar* dalam rencananya yang bernas di bawah ini.

(Oleh al-Ustadh Othman bin Jantan)

Firman Allah dalam kitab-Nya yang mulia:

"Lā yuḥibbu Allāhu al-jahra bi al-sū'i mina al-qawli illā man ẓulima wa kāna Allāhu samī'an 'alīmā". Ertinya: "Tuhan tidak menyukai membesar-besarkan perkara yang buruk dengan perkataan kecuali dari orang-orang yang teraniaya, Tuhan itu Amat Mendengar lagi Mengetahui."

"In tubdū khayrān aw tukhfūhu aw ta'fū 'an sū'in fa inna Allāha kāna 'afuwwān qadīrā." Ertinya: "Jika kamu lahirkan kebaikan atau kamu sembunyikan atau kamu memaafkan sesuatu kesalahan, sesungguhnya Tuhan itu Amat Pemaaf dan Maha Kuasa."

Kebahagian Manusia Terletak Pada Meninggalkan Perkara yang Buruk

Kebahagian manusia dalam hidupnya baik secara individu atau masyarakat adalah bergantung pada menutup sempit segala pintu keburukan dan sebaliknya membuka luas pintu-pintu untuk kebaikan. Dua rangkaian ayat suci di atas tadi adalah menjadi pokok utama dalam pembicaraan kita ini:

Ayat yang pertama: "***Lā yuḥibbu Allāhu al-jahra bi al-sū'i mina al-qawl***" Ertinya: "Tuhan tidak menyukai membesar-besarkan perkara yang buruk dengan perkataan" ayat ini menyatakan bahawa Allah tidak mengemari hamba-Nya yang membesar-besarkan perkara-perkara yang buruk dengan perkataan sesama mereka. Malahan hal itu dimurkai oleh-Nya. Ayat ini merupakan suatu bendungan yang penting kepada pintu kehidupan kita supaya tidak dimasuki oleh anasir-anasir yang perosak.

Ayat yang kedua: ***"In tubdū khayrān aw tukhfūhu aw ta'fū 'an sū'in fa inna Allāha kāna 'afuwwān qadīrā.*** Ertinya: "Jika kamu lahirkan kebaikan atau kamu sembunyikan, atau kamu memaafkan sesuatu kesalahan, sesungguhnya Tuhan itu Amat Pemaaf dan Maha Kuasa". Ayat ini adalah memberangsangkan manusia supaya mencari jalan saling mengerti dan damai dalam kalangan mereka.

Contoh kejahatan yang seerti dengan perkataan itu ialah apa sahaja perkara yang dimurkai Allah dan telah dijanjikan-Nya dengan seksa.

"Inna alladhīna yuḥibbūna an tashī'a al-fāḥishatu fī alladhīna āmanū lahum 'adhābun alīmun fī al-dunyā wa al-ākhirati wallāhu ya'lamu wa antum lā ta'lamūn" Ertinya: Bahawa mereka yang menyukai tersiarnya kedurjanaan dalam kalangan orang-orang yang beriman itu, untuk mereka seksaan yang pedih di dunia dan di akhirat. Allah itu Mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui.

Bentuk Berterus terang Dengan Keburukan:

Membesar-besarkan keburukan itu ada bermacam-macam bentuk dan berbagai-bagai pula warnanya. Tiap-tiap satu satu dari yang tersebut mengesankan kepincangan dalam budi pekerti manusia, dan perhubungan keseluruhan hidup mereka.

Umpamanya memperkatakan keburukan orang lain dan menjajakannya ke sana sini adalah membesar-besarkan keburukan (*al-jahr bi al-sū'*).

Menyatakan kedurjanaan kemudian dilemparkan kepada beberapa orang yang tertentu atau keluarga yang terkenal – (*al-jahr bi al-sū'*). Memperkatakan perkara-perkara yang kotor dari perbuatan-perbuatan durjana seperti zina, tuguk[1] arak, mencuri dan taktik menipu daya adalah (*al-jahr bi al-sū'*) juga.

Menyebarkan gambar-gambar lucah atau

[1] Perkataan sebenar ialah teguk.

serupa lucah dalam majlis-majlis dan akhbar-akhbar adalah (*al-jahr bi al-sū'*).

Pemandangan yang begitu mengghairahkan seperti yang dipertontonkan dalam panggung-panggung wayang gambar, televisyen dan poster-poster yang diletakkan pada tembok-tembok jalan di medan-medan orang ramai, itu juga terhitung (*al-jahr bi al-sū'*).

Inilah beberapa gejala dari bentuk membesar-besarkan perkara buruk dan yang seerti dengannya. Dalam tiap-tiap bentuk yang beraneka jenis itu ada mengandungi akibat buruk yang akan merendahkan bangsa dan merenggangkan dari memperoleh kebahagiaan. Dialah yang akan memecahbelahkan persatuan. Menanam bibit-bibit permusuhan mengalakkan orang ramai menempuh kejahatan. Bagi orang yang liar perasaannya akan mudahlah terjurumus ke dalam lembah keruntuhan dan kehancuran. Alangkah hebatnya peristiwa-peristiwa *munkar* ini yang lekat dalam jiwa mereka seperti yang pernah kita dengar dan baca, sampai demikian teguhnya gejala-gejala tersebut lekat dalam kenangan dan gerak-geri mereka.

Bukan habis di situ sahaja malah ada beberapa banyak dosa lagi yang akan muncul daripadanya. Belum termasuk kejadian yang lepas bebas dari keperibadian bangsanya sendiri yang luhur dan melemparkannya jauh-jauh lalu mengejar kehidupan dan meniru adat istiadat orang lain yang menjolok mata. Tidak kira sekalipun adat yang merosakkan dan membahayakan.

Penganiayaan:

Tidaklah dapat dinafikan bahawa Allah telah meluluskan "*al-jahr bi al-sū'*" dalam satu perkara sahaja, iaitu dalam keadaan penganiayaan yang menimpa manusia, sedang tidak ada orang lain lagi yang boleh melepaskan dia dari penganiayaan tersebut melainkan dengan cara dia membesar-besarkan perkara yang buruk mengenai penganiayaan yang dilakukan kepadanya. Atau menyampaikan keterangan kepada hakim-hakim yang bersangkutan ataupun dari saksi yang boleh memberi pertolongan kepadanya. Itu pun keharusan ini baru wajib digunakan setelah terpaksa tanpa dilebih-lebihkan ataupun diperluaskan. "***Illā man ẓulima wa kāna Allāhu samī'ān 'alīmā.***" Ertinya: Kecuali dari orang teraniaya. Dan Allah itu adalah Mendengar lagi Mengetahui.

Ada pun ayat yang kedua: *"In tubdū khayrān aw tukhfūhu aw ta'fū"* ertinya: "Andainya kamu lahirkan kebaikan atau kamu sembunyikan atau kamu memaafkan sesuatu kesalahan".

Ayat ini membukakan pintu untuk menyampaikan kemanfaatan iaitu pada firman-Nya: ***"In tubdū khayrān aw tukhfūh"***- "Andainya kamu lahirkan kebaikan atau kamu sembunyikan."

Hal ini terserlah pada masing-masing orang yang membuat sesuatu kebaikan, sama ada hendak memperlihatkan kebaikan atau menyembunyikan ikhtiarnya itu, kerana setengah-setengah orang berpendapat bahawa menyatakan kebaikan itu dapat dicontohi oleh orang lain dan untuk memperoleh ganjaran pahala. Sebahagian orang pula berpendapat bahawa menyembunyikan kebaikan untuk mengelakkan dari hendak menunjuk-nunjuk dan memperdengarkan kepada orang lain. (*riyā'* dan *sum'ah*)...

Kemudian ayat ini menekankan bahawa kalau orang yang diburuk-burukkan itu sudi memberikan kemaafannya sendiri dan tidak akan membuat perhitungan terhadap orang yang telah memburukkannya ia adalah mendapat tempat orang yang berbakti, teguh iman bersih jiwa...

Adapun keburukan yang menggugat masyarakat, menganggu keamanan. Mencarik undang-undang dan merosakkan budi pekerti, tidak seorang pun yang berhak memberikan kemaafan kepadanya, kerana itu adalah menjadi hak Allah khasnya, dan hak undang-undang umumnya

Kewajipan Pemimpin:

Ibu bapa, para guru dan pendidik, pemimpin, ahli fikir dan cendiakawan diminta memberikan pimpinan dan khidmatnya. Andainya mereka ingin melihat negeri mereka selamat, rakyatnya baik dan putera-puterinya terlepas dari bahaya. Mereka diminta sangat-sangat supaya menjaga tertib diri, menahan berik keinginan mereka dari meluncur laju di atas asfal-asfal keburukan dan kedurjanaan. Selalulah hendaknya mereka mencari dan menyelubungi kepincangan-kepincangan masyarakatnya kemudian diempangi pengalirannya agar terbendunglah pendengaran hati murni manusia dari segala gejala yang tidak diingini itu, dengan demikian terpeliharalah segala perhubungan, luhulah[2] budi pekerti, mulialah kehormatan dan meratalah kemurniaan!

Kata-kata Hikmah

Agama itu bukannya dengan fikiran, tetapi agama itu dengan mengikuti hukum-hukum Allah dan rasul-Nya.

[2] Perkataan sebenar ialah luhurlah.